

**TEKS PENGGULUNGAN**  
**PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022/23**

**N03 PINANG TUNGGAL**

**EXCO HAL EHWAL AGAMA ISLAM, KOPERASI DAN PEMERKASA KOMUNITI**

Bismillahirrahman.

Assalamualaikum dalam Salam Malaysia MADANI kepada Tuan Yang Dipertua serta ahli dewan sekalian.

Terima kasih atas peluang yang diberikan kepada Tuan Yang Dipertua untuk menggulung cadangan yang dilontarkan oleh YB Batu Uban untuk memperketatkan peraturan bagi kegiatan kongsi gelap di Pulau Pinang. Saya juga ambil maklum atas isu yang berlaku pada 25 Februari yang lepas melibatkan kongsi gelap. Yang Berhormat isu mengenai memperketatkan undang - undang hanya boleh dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan namun saya akan mencuba membawa cadangan ini untuk dibahaskan di Parlimen. Saya juga mengambil maklum bahawa pihak polis ada juga membuat serbuan secara berkala untuk mengatasi masalah kongsi gelap ini namun begitu kegiatan kongsi gelap masih wujud. Saya disini mewakili Kerajaan negeri menggesa pihak polis di negeri Pulau Pinang untuk mengambil tindakan selanjutnya berlandaskan undang - undang untuk membendung kegiatan kongsi gelap dalam kala maksimum.

Seterusnya Tuan Yang Dipertua, saya mewakili Yang Berhormat Ketua Menteri untuk menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Seberang Jaya.

Tuan Yang Dipertua, mengenai manifesto negeri Pulau Pinang dimana Yang Berhormat Seberang Jaya memberikan anggaran sekadar 60% hingga 70% sahaja dan beliau juga memberikan contoh projek LRT , benchmark untuk tidak mencapai manifesto negeri Pulau Pinang. Tuan Yang Dipertua, disini saya ingin memberikan penjelasan atas persoalan tersebut. Terdapat 11 tema utama di bawah Manifesto 'Saya Sayang Pulau Pinang' yang dibentangkan pada tahun 2018 antaranya seperti pentadbiran cekap, akauntabiliti, telus (CAT), perumahan untuk semua, negeri

keusahawanan, meningkatkan kemudahan asas, negeri hijau, pembangunan pendidikan dan kemahiran dan lain-lain lagi.

Antara kejayaan di bawah tema pentadbiran CAT ialah jawatan Ketua Menteri telah dihadkan kepada dua penggal melalui pindaan terhadap Perkara 7, Klausa 2 (a) – Perlembagaan Negeri Pulau Pinang pada 31 Januari 2019. Saya percaya hanya Pulau Pinang yang mempunyai perkara sebegini (jawatan Ketua Menteri dihadkan kepada dua penggal).

“Selain itu, kerajaan negeri juga telah menerima Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tanpa teguran selama tiga tahun berturut-turut mulai 2018 hingga 2020,” katanya.

Tema Pulau Pinang sebagai sebuah negeri hijau ditunjang dengan 11 manifesto iaitu yang tertinggi dan secara keseluruhannya, tiga janji masih dalam proses pelaksanaan ahli dewan sekalian.

”Sejak 2008, kerajaan negeri memberi tumpuan utama untuk membangunkan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri hijau dan memastikan kawasan Hutan Simpan Kekal yang diwartakan ditambah tetapi tidak boleh dikurangkan.”

Pulau Pinang merupakan antara negeri yang tidak mengamalkan kaedah pembalakan di kawasan Hutan Simpan Kekal dan pada 2020, keluasan Hutan Simpan Kekal di Pulau Pinang telah ditingkatkan sebanyak 5.5 peratus iaitu berkeluasan 5,386.77 hektar,.

Tambahnya, turut membanggakan sepanjang 10 tahun lalu adalah tiada catuan air di negeri ini dan sehingga kini kadar tarif air domestik adalah yang terendah dalam negara.

Sebanyak 68 manifesto kerajaan negeri Pulau Pinang mencapai 90 peratus pelaksanaan dengan 54 janji telah ditepati, 12 dalam pelaksanaan manakala dua lagi tidak akan dilaksanakan ekoran terdapat pertindihan dengan program Kerajaan Pusat. Antara projek yang tidak dapat dilaksanakan ialah projek LRT yang dibangkitkan Yang

Berhormat Seberang Jaya. Saya berharap Seberang Jaya dan ahli dewan yang lain mengambil maklum terhadap kejayaan negeri Pulau Pinang.

Saya mengucapkan terima kasih juga kepada barisan exco dalam memikul tanggung jawab menjawab dan menerima pelbagai cadangan dan persoalan daripada ahli dewan.

Terima Kasih.

**Shameera Nasreen Binti Ahamed Noordeen**

**N03 Pinang Tunggai**

**Sidang Muda 2022/23**

